



40 pelajar sertai Cabaran Ekspedisi Berkayak

Berita dan Foto oleh: NOR ADZIZI NAJIRUDDIN

Seramai 40 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Cabaran Ekspedisi Berkayak anjuran Pusat Sukan yang bermula dari Teluk Batik menuju ke Teluk Nipah, Pulau Pangkor pada 24 Mei 2015 yang lalu.

Aktiviti bermula dengan sesi taklimat mengenai langkah dan cara untuk belajar asas kayak serta teknik berkayak dengan betul. Kemudian diiringi dengan sesi memanaskan badan dan bersarapan pagi sebelum ekspedisi berlepas tepat jam sembilan pagi.

Pada hari pertama berkayak peserta berkayuh sambil melawat Kota Belanda yang mengambil masa selama satu jam dari Teluk Batik. Para peserta dapat menikmati keindahan hasil peninggalan kota sejarah yang dibina pada tahun 1670. Selepas melawat Kota Belanda, para peserta menyambung kayuhan semula ke Pasir Bongak yang mengambil masa selama satu jam 30 minit sebelum berhenti rehat dan menginap di Teluk Nipah.

Menurut Ketua Ekspedisi, Muhammad

Saiful Azreen Ismail, 23, dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta bagi merasai sendiri pengalaman berkayak yang cabarannya amat mencabar.

“Di samping itu juga, peserta turut berpeluang untuk melihat kesan sejarah dan keindahan semula jadi yang terdapat di sini.

“Perjalanan pergi menuju ke Teluk Nipah berjalan dengan lancar walaupun cuaca agak mendung berbanding dalam perjalanan balik keesokan harinya dengan cuaca yang panas terik sepanjang perjalanan.

Namun, semua peserta kelihatan amat bersemangat dengan kayuhan masing-masing sambil diiringi dua buah bot pengiring dan juga beberapa anggota teknikal program,” katanya.

Tambahnya lagi, kesemua peserta berkayak menggunakan jenis kayak *sit on top* untuk dua orang.

Selain itu, terdapat juga anggota teknikal yang akan bertindak sebagai penyelamat menyelamat sekiranya ada peserta kayak terbalik semasa dalam perjalanan.

Pada keesokannya, kesemua peserta bertolak balik ke Teluk Batik dengan mengambil masa selama hampir tiga jam.

Sementara itu, menurut salah seorang peserta dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Nur Fasihah Sharie, 21, berkata, ini merupakan pengalaman pertamanya berkayak dalam keadaan laut bergelora apatah lagi pertama kali berpeluang berkayak.

“Walaupun penat, namun seronok dan merupakan pengalaman yang boleh dimanfaatkan.

“Pujukan rakan-rakan untuk menyertai

ekspidisi ini amat berbaloi kerana banyak pengalaman yang diperolehi terutamanya tip penting yang perlu diikuti semasa mengendalikan kayak untuk mengelakkan kayak terbalik,” ujar beliau.

Kebanyakan peserta berpendapat, pengalaman berkayak di laut adalah salah satu pengalaman baharu bagi mereka dengan mengalami sendiri kepenatan dan keletihan ketara semasa berkayuh.

